

PM: Penyelewengan Arqam perlu dijelaskan

KUALA LUMPUR 26 Julai — Kerajaan akan berasa bersalah sekiranya tidak mengambil tindakan tegas terhadap Al-Arqam yang menyeleweng daripada akidah Islam, kata Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad.

Selain itu, kata Dr. Mahathir, rakyat juga tidak boleh dipersalahkan jika mereka menjadi ahli Al-Arqam sekiranya kerajaan gagal memberi penjelasan kepada mereka tentang penyelewengan ajaran Al-Arqam.

“Kalau rakyat tidak diberi penerangan yang jelas, kita tidak boleh salahkan rakyat kenapa mereka mengikut Al-Arqam.

“Jadi, menjadi tanggung-

jawab kerajaan dan media massa untuk menerangkan bagaimana Al-Arqam menyeleweng,” katanya.

Beliau berkata demikian kepada para pemberita selepas melancarkan Perayaan Seabad Perkhidmatan Veterinar dan Industri Haiwan Malaysia di sini hari ini.

Kepada satu soalan, Dr. Mahathir berkata, sekiranya kerajaan mengambil tindakan, maka tindakan perlu dilakukan dalam bentuk yang rasmi.

Beliau menekankan bahawa Majlis Fatwa perlu membuat keputusan berdasarkan kata sepakat semua negeri, yang bersandarkan kepada ajaran Islam.

“Ini memerlukan tindak-

an yang secara rasmi, jadi kita perlu menunggu sehingga Majlis Fatwa ini mengadakan perjumpaan melibatkan semua negeri dan mereka harus membuat keputusan berasaskan kepada pendirian agama Islam terhadap Al-Arqam.

Ajaran

“Sebab itu saya telah jelaskan dari awal bahawa yang penting ialah kita menjelaskan apa dia Al-Arqam dan mengapa kita menganggap ajarannya adalah ajaran sesat,” ujarnya.

Perdana Menteri juga menjelaskan, mengharamkan Al-Arqam dan menahkan individu yang meng-

anggotai pertubuhan yang menyeleweng itu adalah dua perkara yang berlainan.

“Kita boleh mengharamkan Al-Arqam, tetapi kita tidak boleh menangkap orang tanpa sebarang sebab.

“Adalah tidak wajar menangkap pengikut Al-Arqam sebelum penjelasan dibuat dan pihak berkuasa juga tidak boleh menangkap pengikut Al-Arqam tanpa sebab. Tetapi, kalau kita tidak ambil tindakan, kita bersalah, dari segi tanggungjawab kita,” katanya.

Perdana Menteri menambah, sifat angkuh pemimpin Al-Arqam, Asha-

ari Muhammad jelas apabila dia menyekutukan dirinya dengan Tuhan.

“Umpamanya, Ashaari telah menjelaskan bahawa dia mempunyai sifat-sifat Tuhan...sama dengan Tuhan dan biasa ‘bercakap’ dengan Nabi Muhammad dan nabi-nabi lain... bercakap macam kita bercakap sekarang... bukan mimpi.

“Ashaari tanya pada Nabi Muhammad dan Nabi pun panggil dia tuan... ini jelas sekali menunjukkan orang ini telah menjadi begitu angkuh dan menyekutukan Tuhan kerana kononnya dirinya mempunyai sifat-sifat Tuhan, ini jelas menunjukkan keangkuhannya,” ujar Perdana Menteri.